

Tidak penting akhirat semata-mata

TIDAK ada ulama dalam Umno yang mementingkan kejiwaan akhirat semata-mata sehingga melupakan tanggungjawab mereka untuk kebajikan dunia. kata Datuk Seri ● Dr Mahathir Mohamad.

Bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan dasarnya hari ini, Presiden Umno berkata tidak mungkin ada golongan seperti itu dalam Umno, kerana jika mereka bersikap demikian, sudah pasti bukan Umno yang menjadi pilihan.

Ditanya sama ada golongan yang dimaksudkan itu berada dalam Pas, beliau berkata: "Terpulang kepada anda untuk membuat penafsiran sendiri."

Kepada satu soalan lain, Perdana Menteri menjelaskan, keputusan kerajaan mengenai dasar pekerja asing akan diumumkan oleh Timbalannya, Encik Ghafar Baba, ketika

menggulung perbahasan di hari terakhir perhimpunan agung Umno.

Menurutnya, Encik Ghafar selaku Pengerusi Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pekerja Asing akan mengumumkan keputusan itu.

"Beliau akan jelaskannya secara mendalam nanti," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah meneliti cadangan untuk mengatasi masalah pekerja asing yang dikemukakan oleh jawatankuasa khas itu dan sudah menyelesaikan beberapa perkara mengenai keputusan itu dengan Encik Ghafar.

"Saya sudah berbincang dengan Encik Ghafar dan memberi kebenaran kepada beliau untuk mengumumkannya, kerana banyak perkara yang lebih terperinci yang perlu dijelaskan," katanya.